

SURAT PEMBERITAHUAN PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 38 (a)


**Hanya dibukakan bagi pemohon daripada kalangan Pegawai dan
Kakitangan yang sedang berkhidmat di Perkhidmatan Awam
Negara Brunei Darussalam sahaja.**

**PEGAWAI TUGAS-TUGAS KHAS KANAN (*SUPERSCALE C*)
AUTORITI ELEKTRIK NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
JABATAN TENAGA
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**Surat Pemberitahuan ini hendaklah dibawa kepada pengetahuan serta
perhatian semua Pegawai-Pegawai yang layak untuk memohon**

Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon adalah dipelawa daripada Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di Kementerian atau Jabatan-Jabatan Kerajaan sahaja.
- (C) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (D) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.




**PEGAWAI TUGAS-TUGAS KHAS KANAN
AUTORITI ELEKTRIK NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
JABATAN TENAGA
JABATAN PERDANA MENTERI
SUPERSCALE C (\$6,800 EB KHAS \$7,010)
KEKOSONGAN= SATU (01)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. Ijazah Sarjana Muda dalam bidang *Business Studies* / Ekonomi / Kejuruteraan Awam / Kejuruteraan Bangunan / Kejuruteraan Elektrik / Kejuruteraan Elektronik / Kejuruteraan Mekanikal / Kejuruteraan Struktur / Kejuruteraan Tenaga / Pentadbiran Awam / Perundangan atau bidang bersesuaian.
Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.
2. Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan sebagai Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan atau dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji Kumpulan 1 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau dalam tangga gaji Kumpulan 2 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun atau dalam tangga gaji Kumpulan 3 atau sebanding tidak kurang dari 9 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.
3. Lulus / dipersyaratkan untuk lulus dalam kursus "**Program Pembangunan Eksekutif**" di institusi-institusi tempatan ataupun luar negara atau kursus yang sebanding.
4. Mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Mengetuai dan mentadbir Autoriti Elektrik Negara Brunei Darussalam;
2. Merancang pembangunan untuk mencapai matlamat, melaksanakan dasar, menyelia dan mengurus semua peranan dalam Autoriti, menguruskan kewangan (perancangan kewangan, belanjawan operasi, perakaunan dan audit) dan mengawasi pengurusan pentadbiran dalam Autoriti;



3. Merangka dan mencadang isu-isu strategik yang berkaitan dengan hal ehwal perundangan dan pengawal selia industri bekalan tenaga elektrik;
4. Memastikan peranan Autoriti sentiasa relevan dengan urus tadbir serta penguatkuasaan yang berkesan sejajar dengan matlamat strategik dan *deliverables* Jabatan Tenaga; dan
5. Mendukung perkembangan dan pembangunan industri bekalan tenaga elektrik Negara Brunei Darussalam sejajar dengan Matlamat Wawasan 2035 melalui sistem kawal selia yang adil, terbuka, terarah dan mampan.